



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada cadangan berjudul 'Minta pihak berkuasa Putrajaya sediakan kemudahan awan telefon dan Medan Selera di Putrajaya Sentral' yang disiarkan melalui segmen iLapor, Harian Metro pada 29 Jun 2010.

PPj ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan ini. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat telefon awam di tingkat atas Putrajaya Sentral, bersebelahan lif OKU. Walau bagaimanapun telefon ini hanya menerima "Ring-Ring Card" dan tidak menerima wang. Pihak PPj akan mempertimbangkan keperluan penambahan perkhidmatan telefon awam yang mesra pelanggan di premis berkenaan.

Mengenai kemudahan makan/minum di Putrajaya Sentral, pada masa ini terdapat kiosk yang menjual makanan, kedai bakeri, kedai serbaneka dan *vending machine* (jualan air minuman). PPj juga sedang merancang pembinaan sebuah Kafe di sini untuk kemudahan pengunjung di premis tersebut dan dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 30 Jun 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013